(3)

~~ucapan: ADHO 575 194/80~~

UCAPAN YB MENTERI PELAJARAN, DATUK HUSSEIN ONN, DI PEMBUKAAN SEKOLAH MENENGAH BUKIT JAWA, PASIR PUTEH, PADA 6hb APRIL, 1973 JAM : 8.30 PAGI

---

Asalamualaikum — — —

1. Pengerusi serta ahli² Jemaah Pengelola
2. Guru² Besar serta guru²
3. Pegawai Daerah Pasir Puteh
4. " Polis " " "
5. ~~Penolong Pengarah P. [illegible]~~
6. Murid²
7. Tuan² & Puan² sekalian

...2

Saya ucapkan ~~ribuan~~ terima kasih kepada pihak sekolah ini yang telah menjemput saya ke majlis yang permai ~~pada hari~~ ini.

2. ~~Mengikut pengetahuan saya~~ Saya diberi tahu bahawa Persatuan Ibubapa dan Guru-Guru Sekolah ini dan sekolah-sekolah lain dalam negeri Kelantan, adalah giat. ~~Saya fikir mungkin~~ Ini boleh jadi ~~adalah~~ satu daripada sebab-sebab~~nya~~ di-negeri ini, peratus keciciran ~~untuk~~ dalam tahun 1972 seumpamanya, boleh dikatakan tidak begitu menggemparkan, iaitu lebih kurang 19.4% daripada jumlah murid-murid semua.

3. Saya mendapat tahu bahawa, guru-guru dan murid-murid sekolah ini, bukan sahaja mengambil perhatian berat dalam pelajaran, tetapi juga dalam kegiatan-kegiatan seperti mengadakan Syarikat Kerjasama antara murid-murid. ~~Hal~~ Ini patutlah digalakkan.

4. Sekolah ini telah didirikan dengan 12 buah bilik darjah, pejabat, kantin, bilik guru, satu Makmal Sains, Sains Perusahaan, Sains Rumahtangga dan 4 bilik setor. Perkembangan yang pesat di sekolah ini telah mengakibatkan tambahan darjah dari 20 darjah dalam tahun 1972 menjadi 27 darjah dalam tahun 1973. Pihak sekolah ini telah memohon tambahan ~~untuk~~ 2 makmal sains, khutub khanah, tempat basikal, setor, tandas, bekalan air dan letrik dan 6 bilik darjah; semuanya memakan belanja sebanyak $150,000. Permohonan ini nampaknya adalah munasabah dan Kementerian Pelajaran akan menimbangkan nya. ~~harus boleh meluluskannya untuk rancangan tahun 1973~~.

5. Negara kita memberi keutamaan ~~untuk~~ kepada perkembangan pelajaran. Pada tahun ini, perbelanjaan peruntukan rancangan-rancangan pembangunan dan pengurusan pelajaran ialah 18.2% daripada seluruh perbelanjaan-perbelanjaan negara. ~~ini~~

6. Ini adalah tugas-tugas Kerajaan. Tetapi, tanpa kerjasama orang awam, perbelanjaan ini tidak akan dapat memberi munafaat yang sepenuhnya. Untuk mendorong orang awam mengambil minat secara lebih berkesan terhadap rancangan-rancangan pelajaran, maka itulah sebabnya Kementerian saya telah membuat keputusan supaya tiap-tiap sekolah di negeri ini menubuhkan Persatuan Ibubapa dan Guru.

7. Tuan-tuan dan puan-puan, ~~sekarang~~ saya ingin menyentuh sedikit mengenai pentadbiran sekolah-sekolah. Pada masa-masa yang lampau, sekolah-sekolah boleh dikatakan diurus oleh guru-guru besar yang mula-mulanya mungkin hampir tidak berpengalaman langsung mengenai pentadbiran. Mereka diharapkan mendapat pengalaman dan pengetahuan dengan sendirinya sambil bekerja. Mulai daripada tahun ini, Kementerian Pelajaran telah menguruskan kursus pentadbiran yang lengkap untuk guru-guru besar dan pengelola-pengelola sekolah. Mengikut hitongan kami, pada penghujung tahun 1975, hampir semua guru besar di Malaysia Barat boleh dianggapkan terlatih dalam perkara pentadbiran sekolah.

8. Tuan-tuan dan puan-puan sekelian mungkin ~~telah~~ mendengar berita berkenaan dengan rancangan siaran radio dan talivisyen ke sekolah-sekolah. Negara kita adalah satu daripada negara-negara di Asia yang telah melancarkan rancangan ini secara bersungguh-sungguh. ~~untuk seluruh negara~~. Ini adalah suatu panduan mengajar yang paling moden. Sebagai permulaan, kita telah mengadakan rancangan-rancangan untuk pelajaran Sains, Hisab dan Sibik. 500 buah peti talivisyen telah diberi tahun sudah, 53 buah daripadanya adalah untuk sekolah-sekolah menengah di Kelantan. Lagi 2,000 buah dijangka akan tiba pada pertengahan tahun ini, dan 180 daripadanya akan dihantarkan ke Kelantan. Tidaklah semua sekolah akan diberikan ~~dianugerahkan~~

~~dengan~~ peti talivisyen percuma, kerana banyak sekolah yang mampu membelinya sendiri. Lagi pun, rancangan ini sudahpun memakan belanja yang amat besar. Belanja menyediakan 3 buah studio (2 untuk talivisyen dan satu untuk radio) sahaja sudah menelan belanja hampir 2.5 juga ringgit, dan belanja untuk membeli 2,500 buah peti talivisyen itu pula adalah 3.3 juta ringgit.

9. Murid-murid sekolah sekelian. Belajarlah bersungguh-sungguh. Saya tidak puashati dengan keputusan pepereksaan SPM dan MCE tahun 1972. Kelulusan yang dicapai oleh murid-murid Kelantan ialah 60.4% untuk pepereksaan MCE dan 46.9% untuk SPM. Kelulusan hitong panjang seluruh negara adalah lebih buruk lagi. Peluang untuk pelajaran tinggi sudah banyak diujudkan di negara ini. Dalam masa yang paling singkat, negara kita telah menubuhkan 5 buah Universiti, iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan, Universiti Sains Malaysia, Universiti Pertanian dan Institut Teknoloji Kebangsaan, selain daripada yayasan lain seperti Institut Teknoloji MARA dan Politeknik Ungku Omar di Ipoh. Tetapi tempat ini semuanya, adalah untuk murid-murid yang ~~telah~~ membuktikan

kebolehan mereka dalam pelajaran. Kita memerlukan paling ramai lagi, penuntut-penuntut untuk jurusan Sains, Kejuruteraan dan Kedoktoran. Oleh itu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan dan Universiti Sains Malaysia, telah mengadakan rancangan khas bagi menyediakan penuntut-penuntut untuk diterima masuk ~~kasuk~~ ke kursus-kursus dalam bidang bidang pelajaran tersebut. ~~Sains, Kejuruteraan dan Kedoktoran~~.

10. Akhir ~~sekali~~ kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan sekelian yang telah memberi perhatian penuh kepada perkembangan-perkembangan pelajaran kita. Saya mengucapkan tahniah kepada guru besar dan kakitangannya, dan ahli2 lembaga sekolah, atas jasa baik dan semangat kerjasama yang telah mereka tunjukkan.

11. Dengan itu, saya dengan ~~gembiranya~~ sukachitanya meresmikan pembukaan bangunan baharu sekolah ini.

PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI
★ MALAYSIA ★
AHO/U

No. Siri 540
No Penerimaan 185/80